

**Medium : Sinar Harian**

**Date : September 5, 2013**

## Potensi besar industri gudang bersuhu

**INDUSTRI** pergudangan suhu terkawal dan logistik dijangka berkembang antara 10 dan 15 peratus tahun ini kerana peningkatan kesedaran kesihatan, gaya hidup dan permintaan tinggi bagi produk dan makanan berkualiti.

Dengan permintaan semakin meningkat untuk perkhidmatan penghantaran yang lebih cekap oleh pengguna dan peruncit, industri ini dijangka mengalami perubahan besar dengan integrasi teknologi, pengurusan gudang dan penyelesaian logistik.

Menurut perintis industri itu, IGLO (M) Sdn Bhd, iaitu anak syarikat Haisan Resources



**Lebih ramai peruncit dan pengguna mahukan kaedah simpanan bersuhu bagi memastikan kualiti produk terjamin.**

Bhd, sektor logistik bersuhu sejuk di Malaysia kini bernilai lebih RM1 bilion setahun.

"Prospek bagi industri ini untuk terus berkembang pada tahun-tahun akan datang kekal

cerah. Pemain industri perlu terus mengikuti trend terkini dan teknologi canggih untuk mengekalkan perniagaan mereka," menurut Naib Presiden IGLO, Lee Bee Ling.

Antara industri yang menggunakan perkhidmatan pihak ketiga bagi gudang suhu terkawal dan logistik adalah restoran makanan segera, pengeluar ais krim, produk tenusu, hasil laut, daging dan ayam, sayur-sayuran dan buah-buahan.

"Selain itu, pasar raya besar, sektor tembakau dan pengeluar elektronik juga adalah pengguna jangka panjang industri ini," katanya.